

**UCAPAN ALUAN
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PECAH TANAH
PROJEK PEMBINAAN KAMPUS AKADEMI BINAAN MALAYSIA
(ABM) WILAYAH SABAH DI BERINGGIS, DAERAH PAPAR,
SABAH**

30 Ogos 2025 (Sabtu)

**Tapak Projek Kampus Akademi Binaan Malaysia (ABM)
Beringgis**

Salutasi akan diberikan sebelum majlis berlangsung

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Hari ini kita berhimpun di Kg. Beringgis, Papar untuk sebuah majlis yang amat bermakna, iaitu majlis pecah tanah Projek Pembinaan Kampus Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sabah yang baharu.
2. Saya amat menghargai kesudian Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, atas kesudian beliau hadir meluangkan masa bersama-sama kita di dalam majlis yang penuh bermakna ini.
3. Sebagai Menteri Kerja Raya, saya melihat projek ini bukan hanya sebagai pembangunan fizikal, tetapi satu mercu tanda dalam usaha kita memperkuuh TVET Pembinaan untuk Malaysia.

Peranan ABM & Persekutuan

4. Akademi Binaan Malaysia atau ABM dan CIDB Technologies adalah antara inisiatif strategik di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan berdaya saing untuk industri pembinaan negara.
5. Sejak penubuhannya, ABM telah menjadi platform utama dalam menyediakan latihan kemahiran pembinaan yang berkualiti tinggi, menepati piawaian industri, serta memastikan Malaysia mempunyai tenaga kerja tempatan yang cekap, selamat dan produktif.
6. Dengan enam kampus yang beroperasi di seluruh negara, ABM beserta CIDB Tech telah melatih 463,679 orang sejak tahun 2001 hingga Julai 2025, iaitu 164,350 belia dan 299,329 personel binaan. Pencapaian ini menjadi bukti besar peranan ABM dalam melahirkan tenaga kerja mahir industri pembinaan negara.
7. Di Sabah, ABM Wilayah Sabah mula beroperasi pada tahun 2001 dengan hanya empat program asas, tetapi kini telah berkembang menjadi pusat latihan kemahiran komprehensif yang menawarkan **lebih 55 bidang kemahiran dalam pelbagai tred**.

Sejak ia mula beroperasi, seramai **196,000 anak jati Sabah** telah menerima latihan dalam pelbagai bidang.

8. Kini ABM Wilayah Sabah bukan sahaja memberi tumpuan kepada kemahiran asas seperti kerja bata, penjubinan dan pertukangan kayu, tetapi juga kemahiran berimpak tinggi – operasi jentera berat, pendawaian elektrik, sistem penyaman udara, pemasangan paip bertekanan tinggi, struktur keluli, teknologi BIM, serta terkini penggunaan drone dan simulator.

9. Saya yakin, dengan fasiliti dan infrastruktur moden, program kemahiran yang relevan, serta sokongan kerajaan negeri dan persekutuan, ABM Wilayah Sabah akan terus berkembang sebagai **hab latihan TVET Pembinaan bertaraf dunia** – selari dengan aspirasi CIDB dan kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir secara teknikal, tetapi juga bersedia menghadapi cabaran era teknologi dan digital.

Hadirin sekalian,

10. Projek ini amat istimewa kerana ia adalah **projek pertama di Sabah** yang mengaplikasikan Building Information Modelling (BIM)

sehingga tahap LOD 500, digabungkan dengan Industrialised Building System (IBS). LOD atau Level of Details 500 bermaksud kampus baharu ABM Wilayah Sabah ini akan mempunyai model digital yang menyerupai bangunan sebenar, lengkap untuk digunakan sepanjang kitar hayat: daripada reka bentuk, pembinaan, operasi, hingga ke penyelenggaraan fasiliti.

11. Kombinasi ini mempercepatkan proses pembinaan, mengurangkan risiko lebih kos, dan memastikan rekabentuk yang tepat. Selain itu, projek ini juga akan dinilai dengan:
 - a. Safety and Health Assessment System in Construction atau (SHASSIC);
 - b. Quality Assessment System in Construction atau (QLASSIC); dan
 - c. Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool atau (MyCREST).

12. Ini bukti bahawa kita tidak sekadar membina sebuah kampus, tetapi turut **memastikan proses pembinaan mematuhi standard dan amalan terbaik industri pembinaan**. Dengan kata lain, kita bukan sekadar memberi panduan – kita membuktikan keupayaan untuk melaksanakannya. *We walk the talk.*

Penghargaan dan Penutup

13. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YAB Ketua Menteri Sabah serta Kerajaan Negeri, khususnya Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, atas penyediaan jalan akses sepanjang **1 km** dari jalan utama ke tapak projek. Kerjasama erat inilah yang memastikan projek berimpak tinggi seperti ini dapat direalisasikan.

14. Saya juga amat yakin Kampus ABM Wilayah Sabah yang bakal kita bangunkan ini akan menjadi **simbol kerjasama erat diantara Kerajaan Persekutuan dan Negeri**, demi memastikan rakyat Sabah terus menikmati peluang pembangunan, kemahiran, dan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.